

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VIII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

18. Nyatakan status terkini tentang permohonan projek pelebaran Jalan Permatang Tinggi dari persimpangan kawasan industri Bukit Minyak sehingga ke Jalan Rozhan.
- (a) Terangkan langkah-langkah yang diambil untuk menambah pencahayaan serta rekabentuk jalan raya agar dapat meningkatkan keselamatan lalu lintas.
 - (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri selain daripada menunggu kelulusan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang telah membuat permohonan peruntukan di bawah bajet Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) sebanyak RM382,500,000.00 bagi projek pelebaran Jalan Permatang Tinggi dari persimpangan kawasan industri Bukit Minyak sehingga ke Jalan Rozhan.
- (a) Pemasangan lampu jalan, lampu isyarat dan reka bentuk jalan bagi meningkatkan keselamatan lalu lintas telah dimasukkan di dalam komponen kerja yang akan dilaksanakan di bawah projek pelebaran Jalan Permatang Tinggi dari persimpangan Kawasan industri Bukit Minyak sehingga ke Jalan Rozhan.
 - (b) Jalan Permatang Tinggi dari persimpangan Kawasan Industri Bukit Minyak sehingga ke Jalan Rozhan adalah Jalan Persekutuan dan perlu menggunakan peruntukan

dari Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, sementara menunggu peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mensyaratkan kepada pemaju yang berhadapan dengan Jalan Permatang Tinggi menaiktaraf lampu-lampu jalan dan reka bentuk jalan sekiranya terdapat permohonan Kebenaran Merancang di kawasan tersebut.